



**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR
TIMBALAN MENTERI
PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
DENAI SUNGAI LIPIS, BATU MALIM, RAUB, PAHANG
PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN
JPS MALAYSIA**

**TEMPAT:
DENAI SUNGAI LIPIS, BATU MALIM, RAUB, PAHANG
PUSAT REKREASI BATU MALIM, MUKIM BATU TALAM, DAERAH
RAUB, PAHANG**

SALUTASI



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

- 1. Yang Berusaha En Khairul Fahmi bin Yusof**
Ketua Penolong Pegawai Daerah Raub
(Wakil Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang)
- 2. Yang Berbahagia Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib**
Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
- 3. Yang Berusaha En. Ahmad Zaki bin Ali**
Timbalan Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang
- 4. Yang Berusaha Ir. Ts. Hajah Norlida binti Samad@Mamad**
Pengarah Bahagian Lembangan Sungai
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
- 5. Pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Pahang,**
- 6. Serta hadirin – hadirat sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul di sini pada hari penuh bermakna sempena **Majlis Perasmian Denai Sungai Lipis, Batu Malim, Raub, Pahang, Program Denai Sungai Kebangsaan**. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang, pegawai-pegawai Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), para pemimpin dan masyarakat tempatan serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini. Syabas juga kepada Jawatankuasa yang telah memberikan kerjasama serta komitmen yang padu bagi memastikan majlis ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK)

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Sungai merupakan sumber utama bagi bekalan air negara yang membekalkan 97% air mentah negara dan kualiti air sungai inilah penentu kelangsungan bekalan air bersih. Namun berdasarkan laporan terkini dari Jabatan Alam Sekitar menunjukkan bahawa daripada 672 sungai utama di negara ini, terdapat **27 sungai yang masih tercemar iaitu 14 sungai di kelas IV dan 13 sungai di kelas III**.

3. Bagi menangani masalah ini, Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) telah diperkenalkan sejak tahun 2020 untuk mewujudkan sense of belonging (kepemilikan), menyemai tanggungjawab bersama dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat dan komuniti untuk menjaga kebersihan dan keindahan sungai.

4. Program DSK mempunyai empat (4) objektif utama yang memerlukan penglibatan dan komitmen komuniti setempat untuk:

- (i) Memastikan kelestarian dan keindahan sungai serta mengawal aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran;
- (ii) Mewujudkan rasa tanggungjawab bersama (*shared responsibility*) ;
- (iii) Menggalakkan aktiviti berasaskan alam (*nature-based activities*);
- (iv) Merangsang aktiviti ekonomi seperti ekopelancongan sungai (*river ecotourism*).

5. Pelaksanaan program DSK ini menggalakkan masyarakat menjadi mata dan telinga untuk melaporkan dan mencegah sebarang aktiviti pencemaran sungai. Program DSK juga diharapkan dapat mengubah sikap masyarakat untuk menghargai dan menghayati pentingnya memelihara sungai.

PROJEK DENAI SUNGAI LIPIS, BATU MALIM, RAUB, PAHANG

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kerajaan melalui Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) sentiasa memberi penekanan terhadap pengurusan lestari

sumber semula jadi, khususnya sumber air dan sungai. Bagi tahun 2025, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM850,000.00 bagi pelaksanaan Program Denai Sungai Kebangsaan di Negeri Pahang, termasuk Denai Sungai Lipis ini.

7. Peruntukan ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh infrastruktur berasaskan alam semula jadi yang memberi manfaat langsung kepada komuniti. Inisiatif ini juga selari dengan agenda Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan matlamat pembangunan mampan (SDG) yang menekankan keseimbangan antara pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar.

8. Untuk makluman para hadirin sekalian, projek **Denai Sungai Lipis, Batu Malim, Raub, Pahang** ini merupakan satu inisiatif yang sangat bermakna dalam usaha memelihara, memulihara dan memanfaatkan sumber alam secara lestari. Projek ini bermula pada 16 April 2025 dan siap sepenuhnya pada 11 Jun 2025, melibatkan **kerja menaik taraf denai sepanjang 450 meter**. Projek DSK Sungai Lipis ini disasarkan untuk menarik kehadiran sehingga 2,000 pengunjung sebulan.

9. Kedudukan strategik **Denai Sungai Lipis di Batu Malim, Raub, Pahang** yang berhampiran dengan pelbagai tarikan pelancongan alam semula jadi seperti Pusat Konservasi Ungka di bahagian hulu Sungai Lipis yang dinaungi oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, kawasan pertumbuhan bunga Raflesia yang melata di sepanjang Hulu Sungai Lipis, serta pelbagai lokasi inap desa, chalet dan tapak perkhemahan turut menjadikannya destinasi tumpuan pelancong.

10. Usaha ini turut diperkukuhkan melalui kerjasama erat penduduk setempat dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Batu Malim dalam menaik taraf serta memelihara kawasan denai sebagai produk rekreasi dan eko-pelancongan berpotensi tinggi di daerah ini. Sebagai menghargai usaha komuniti dalam penjagaan sungai, JPKK Kampung Batu Malim telah memenangi tempat kedua Anugerah Khas Sumber Air (AKSA) bagi tahun 2025.

PENYERAHAN PROJEK BERKAITAN AIR

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Selain daripada Perasmian Denai Sungai Lipis, majlis hari ini turut melibatkan penyerahan sebuah projek siap oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), iaitu Rancangan Pemulihan Koridor Sungai Triang dan Sungai Semerting di Mukim Pelangai, Daerah Bentong, Pahang.

12. Saya merakamkan penghargaan kepada JPS atas pelaksanaan projek ini yang diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat serta menyokong usaha kerajaan dalam memperkukuh pengurusan sumber air dan pemuliharaan alam sekitar negara. Penyiapan projek ini dijangka akan memberikan impak yang positif kepada rakyat Negeri Pahang khususnya.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak — JPS Malaysia, JPS Negeri Pahang, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, serta pelbagai pihak atas kerjasama padu yang telah diberikan. Usaha seperti ini memerlukan komitmen dan kesabaran, dan saya yakin hasilnya akan dinikmati untuk jangka masa panjang.

14. Akhir kata, saya ingin mengajak semua yang hadir hari ini untuk terus menyokong usaha kerajaan dalam memastikan sungai-sungai kita kekal bersih, sihat dan lestari.

Dengan penuh kesyukuran dan semangat kebersamaan, maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **saya dengan sukacitanya merasmikan Denai Sungai Lipis, Batu Malim, Raub, Pahang** di bawah Program Denai Sungai Kebangsaan.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh.

Terima kasih.